

BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM

TAJUK PENYELIDIKAN:

LOKASI DAN BILANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN
DI KAWASAN TASIK DAMAI
ADAKAH IANYA BERSESUAIAN DAN MENCUKUPI?

OLEH:

NOORZILAWATI MOHD JAIS	DBS 6G	83891093
SA'DIAH ABU BAKAR	DBS 6G	83972425
NORA OMAR	DBS 6G	83815488
SUZILAWATI AHMAD	DBS 6A	83878723
RUSLINA AMBAK	DBS 6A	83864844
HASLINA MAT YUNUS	DBS 6I	83863649

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
INSTITIUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

DISEDIAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT KAJIAN DIPLOMA IN BUSINES STUDIES
INSTITIUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.

DENGAN BIMBINGAN:

CIK SABARIAH MOHAMMAD

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
INSTITIUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.

ISI KANDUNGAN

mukasurat

Sekapur sirih	i
Penghargaan	ii
A. RINGKASAN	1
B. PENGENALAN	4
1. Objektif Kajian	6
2. Penyata Masalah	7
3. Batasan	8
4. Andaian	9
5. Hipotesis	10
6. Methodologi	11
a. Data Utama	11
b. Data Sekunder	15
C. SISTEM PENGURUSAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DI TASIK DAMAI	16
1. Pengenalan	16
2. Definasi Tempat Letak Kenderaan	17
3. Lokasi Tempat Letak Kenderaan di Tasik Damai	18
4. Polisi dan Jenis Tempat Letak Kenderaan di Tasik Damai	19

PENGHARGAAN

Kami mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Penasihat kami,

Cik Sabariah binti Mohammad,

Pensyarah Transport,

Kajian Pengurusan dan Perniagaan,

Institusi Teknologi MARA,

Shah Alam,

kerana telah membimbing dan memberi nasihat kepada kami dalam menyelesaikan kajian ini.

Ribuan terima kaseh juga diberikan kepada individu dan pihak-pihak berkenaan yang telah memberi bantuan dalam usaha kami melengkapkan kajian ini iaitu :

1. Cik Pauziah Pawan,

Pensyarah MEDEC,

Institusi Teknologi MARA,

Shah Alam,

yang telah memberi bimbingan diawal penyelidikan.

A. RINGKASAN.

Taman Tasik Shah Alam atau nama barunya Tasik DarulIhsan terletak di lokasi strategik di Shah Alam. Ia adalah sebuah tasik buatan manusia, berbentuk unik dengan bercirikan corak pembinaan ke-Malaysiaan mencerminkan keunggulan berbanding dengan lain-lain tasik di Malaysia.

Taman Tasik ini telah dibina hasil aspirasi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz, semasa baginda melakukan lawatan resmi ke Shah Alam pada Januari 1980. Berikutan itu, Taman Tasik ini mula dibina pada September di, tahun yang sama. Sebuah agensi pembinaan Jepun, dengan bantuan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pembinaan tasik ini berlandaskan keMalaysiaan. Terletak di pusat bandarⁿ Shah Alam, tasik ini adalah simbol permulaan atau era baru dalam kemajuan landscap di Malaysia.

Projek pembinaan yang menelan belanja \$47 juta ini meliputi kawasan seluas 53 hektar dan terbahagi kepada tiga zon dikenali sebagai Zon Timur (Tasik Permai), Zon Tengah (Tasik Indah) dan Zon Barat (Tasik Damai).

Tasik Damai yang berhadapan dengan bangunan PKNS, mempunyai keluasan 10 hektar dan kawasan tamannya seluas 1.9 hektar merupakan tasik yang terbesar dan terpenting diantara ketiga-tiga tasik. Ia mempunyai pelbagai aktiviti dan kemudahan yang

dapat menarik ramai pengunjung. Antara kemudahan yang disediakan adalah kemudahan tempat letak kenderaan di mana di dalam kajian ini, kami mendalami sistem pengurusan dan kegunaan tempat letak kenderaannya.

Kebanyakan responden mengetahui mengenai kemudahan tempat letak kenderaan di Tasik Damai iaitu tempat letak kenderaan di hadapan rumah bot yang terletak berhampiran dengan Persiaran Datuk Menteri, iaitu berhadapan dengan bangunan SIRIM dan pengkalan bot dan tempat letak kenderaan di tempat redup yang terletak berhadapan dengan bangunan PKNS yang berhampiran dengan Persiaran Raja Muda.

Walaupun didapati pada keseluruhannya tempat letak kenderaan ini mencukupi dan hampir keseluruhan responden bersetuju dengan lokasi dan rekebentuknya tetapi terdapat beberapa masalah yang timbul di tempat kajian ini. Antara masalaahnya, tempat letak kenderaan penuh apabila 'peak hours' iaitu pada pukul 11.30 pagi hingga 2.00 petang dan 4.30 petang hingga 6.30 petang, tiada papantanda yang menunjukkan "Parking" di tempat letak kenderaan, menyebabkan pengunjung tidak menyedari adanya tempat letak kenderaan di Tasik Damai dan tempat letak kenderaan di hadapan rumah bot didapati jauh dari kompleks PKNS.

Sungguhpun begitu sebab utama pengguna meletakkan kenderaan di tepi jalan bukan disebabkan masalah di atas bahkan sikap mereka yang suka mementingkan diri sendiri untuk memperolehi keselesaan dalam meletakkan kenderaan.